

DATE: 13 / 8 / 2009

PGPO, FGM mahu beli kapal kargo hantar bantuan ke Gaza

PUTRAJAYA: Tindakan Israel menutup semua laluan darat ke Semenanjung Gaza menyebabkan bantuan kemanusiaan sukar dihantar ke sana kecuali menerusi jalan laut, kata Pengerusi Perdana Global Peace Organization (PGPO), Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata PGPO yang bekerjasama dengan Gerakan Pembebasan Gaza (FGM) untuk membantu rakyat Palestin di situ terpaksa mengambil inisiatif mendapatkan sumbangan orang ramai bagi membeli kapal kargo untuk membolehkan bantuan dihantar menerusi jalan laut dari Cyprus.

"Untuk itu, kita memerlukan kapal kargo seberat 300 hingga 500 tan supaya lebih banyak bantuan termasuk bahan binaan dapat dihantar ke kawasan itu kerana keadaan dijangka bertambah buruk menjelang musim sejuk," katanya pada majlis pelancaran Tabung Gaza di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini, semalam.

Hadir sama, isteri Dr Mahathir, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Pengarah Eksekutif Editorial The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP), Datuk Ahmad A Talib dan Pengerusi Lembaga Pengarah FGM, Huwaida Arraf.

Dr Mahathir berkata, sumbangan boleh dibuat dalam bentuk cek atas nama KLFCW (Gaza Fund) atau menerusi akaun May-



WAKIL Kumpulan Emkay, Felina Mustapha Kamal menyampaikan sumbangan Tabung Gaza kepada Dr Mahathir di Putrajaya, semalam.

bank 512334306634.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut mengumumkan sumbangan RM1.5 juta daripada Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin yang dinaungi isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor, bagi mengisi dana Tabung Gaza itu.

Beliau turut menerima sumbangan lebih RM100,000 daripada beberapa syarikat korporat.

Sementara itu, Ahmad yang juga Pemegang Amanah Yayasan Salam, meminta lebih banyak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) membekalkan sokongan kepada FGM bagi meringankan beban rakyat Palestin.

"Yayasan Salam sedia be-

kerjasama dengan FGM mengumpul dana bagi membantu rakyat Palestin. Berdasarkan kunjungan kita ke Gaza beberapa minggu selepas pengeboman tentera Israel mendapati keadaan di sana menyedihkan dan mereka memerlukan bantuan kemanusiaan," katanya.

Dalam perkembangan sama, bekas Perdana Menteri,

FAKTA NOMBOR

RM1.5 juta

Sumbangan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin bagi mengisi dana Tabung Gaza

Tun Abdullah Ahmad Badawi, berharap sempena kedatangan Ramadan tidak lama lagi, rakyat negara ini, khususnya umat Islam, bermurah hati menghulurkan derma membantu kanak-kanak di Gaza.

Selaku Penaung Tabung Bantuan Kemanusiaan Untuk Kanak-Kanak Gaza, beliau berkata, tabung itu akan diteruskan kerana yakin ramai rakyat negara ini yang prihatin dan penyayang akan menderma bagi tujuan murni itu. Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas majlis penyerahan sumbangan sebanyak RM97,156.55 untuk tabung berkenaan di Mes Pegawai Kanan, Bukit Aman, di sini.